



# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI  
2015**

***SENIBINA***

**KOD : PJS01**

**SUBJEK : TULISAN SPESIFIKASI**

**TARIKH : 21 APRIL 2015**

**MASA : 9.00 PG - 12.00 TGH**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

**PERKARA : PJS01 – TULISAN SPESIFIKASI**

**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.**

**SOALAN 1**

- a) Nyatakan jenis bahan yang sesuai digunakan dalam pembinaan sistem lantai di dalam jadual berikut:

<b>Bil</b>	<b>Sistem Lantai</b>	<b>Jenis Bahan</b>
1	Sistem Gelegar Kayu	(i)
2	Sistem Gelegar Keluli	(ii)
3	Sistem Konkrit Bertetulang	(iii)

(6 markah)

- b) Nyatakan **empat (4)** komponen untuk membina lantai padu.

(4 markah)

- c) Apakah yang mempengaruhi pemilihan Sistem Lantai Konkrit Bertetulang?

(4 markah)

- d) Tuliskan spesifikasi bagi kemasan lantai seperti berikut:

- i) Jubin *Non-Slip* (300 mm x 300 mm)
- ii) Karpét gulung (32 oz)

(6 markah)

SOALAN 2

Tuliskan spesifikasi piawai yang sesuai bagi jenis kemasan bumbung berikut:

- a) Genting Konkrit Saling Mengirat
- b) Genting Tanah Liat
- c) Bumbung Dek Logam
- d) Kepingan Bumbung Bergelugur Aluminium

*(20 markah)*

SOALAN 3

- a) Nyatakan spesifikasi piawai bagi Kehendak Am untuk Kerja Penanaman Rumput.

*(5 markah)*

- b) Terangkan spesifikasi piawai bagi proses kerja-kerja berikut:

- i) Penyediaan permukaan tanah
- ii) Kepingan Rumput
- iii) Penjagaan

*(15 markah)*

SOALAN 4

- a) Terangkan spesifikasi piawai bagi perkara berikut:

- i) Penyimpanan kayu
- ii) Papan lapis

*(8 markah)*

**SOALAN 4 (sambungan)**

- b) Berdasarkan kepada Spesifikasi Piawai JKR bagi kerja-kerja kayu, namakan **dua (2)** jenis kayu bagi setiap kumpulan berikut:
- i) Kumpulan A
  - ii) Kumpulan B
  - iii) Kumpulan C
  - iv) Kumpulan D

(12 markah)

**SOALAN 5**

- a) Nyatakan **lima (5)** perkara utama yang terkandung dalam Spesifikasi Piawai untuk kerja-kerja Binaan Bangunan yang dikeluarkan oleh JKR.
- b) Dalam Kehendak-kehendak Permulaan Dan Syarat-syarat Am Spesifikasi Piawai untuk item di bawah ini, terangkan apakah arahan kepada kontraktor yang dinyatakan untuk setiap satunya.
- i) *Shopdrawings, Samples and Mock-up*
  - ii) Lukisan Terbina (*As-built Drawings*)

(10 markah)

(10 markah)

**SOALAN 6**

- a) Tuliskan spesifikasi piawai bagi alatan kebersihan seperti yang dinyatakan di bawah:
- i) Basin basuh tangan
  - ii) Sinki
  - iii) Tandas pam
  - iv) Tangki

(16 markah)

**SOALAN 6 (sambungan)**

- b) Nyatakan Kehendak Am spesifikasi piawai di dalam Pemasangan Kelengkapan Kebersihan.

*(4 markah)*

**SOALAN 7**

- a) Nyatakan **enam (6)** jenis kaca yang biasa digunakan dalam pembinaan di Malaysia.

*(6 markah)*

- b) Sediakan spesifikasi untuk **tiga (3)** daripada jenis kaca dalam soalan 8(a) di atas.

*(9 markah)*

- c) Tuliskan Spesifikasi piawai bagi pemasangan Blok Kaca.

*(5 markah)*

**SOALAN 8**

- a) Merujuk kepada Spesifikasi Piawai JKR 2014, terangkan cara yang betul untuk mengaplikasi cat pada bahan-bahan berikut:

i) Dinding batu-bata baru

ii) Dinding batu-bata lama

*(8 markah)*

- b) Terangkan tindakan yang perlu diambil selepas kerja mengecat selesai dijalankan untuk memastikan kesempurnaannya.

*(4 markah)*

**SOALAN 8 (sambungan)**

- c) Nyatakan jenis cat yang sesuai bagi permukaan yang disenaraikan dalam jadual di berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Permukaan</b>	<b>Jenis Cat</b>
i)	Siling Kayu	
ii)	Permukaan kayu berketam	
iii)	Permukaan berlepa	
iv)	Batu-bata beban ringan	
v)	Siling <i>Chipboard</i>	
vi)	Dinding <i>Chipboard</i>	
vii)	Kerja keluli dan besi	
viii)	Papan gipsum, kepingan asbestos	

(8 markah)

**SOALAN 9**

- a) Nyatakan kehendak-kehendak umum bagi kerja-kerja ubinan, lapis lepa dan lepekan berdasarkan Spesifikasi Piawai JKR.

(5 markah)

- b) Tuliskan spesifikasi piawai bagi kerja menbancuh motar untuk kerja ubinan, lapis lepa dan lepekan.

(5 markah)

- c) Sediakan spesifikasi piawai bagi kerja melepa berikut:

- i) Lepa Granolitik
- ii) Lepa Biasa

(10 markah)

SOALAN 10

Huraikan Spesifikasi Piawai JKR untuk kelengkapan (*ironmongeries*) jenis-jenis pintu yang berikut:

- a) Pintu satu daun
- b) Pintu bilik air
- c) Pintu rintangan api satu daun
- d) Pintu almari pakaian

(20 markah)

\*\*\*\*\*